

Forum Keamanan Sejagat 15 Dis.

PUTRAJAYA 10 Okt. - Malaysia akan menganjurkan Forum Perdana Keamanan Sejagat bertujuan mencari jalan penyelesaian bagi mencapai keamanan global.

Forum anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) itu akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 15 dan 17 Disember ini.

Presiden Kehormat YKP, Tun Dr. Mahathir Muhamad berkata, forum tersebut diharapkan menjadi landasan antarabangsa bagi membincangkan masalah sejagat yang dihadapi sekarang.

Beliau yang juga bekas Perdana Menteri berharap, perbincangan yang komprehensif itu akan dapat melahirkan idea-idea dan cadangan bagi mewujudkan keamanan sekali gus membawa kepada keadaan dunia yang lebih selamat.

"Penganjuran forum ini tepat pada masanya memandangkan peningkatan ketegangan yang berlaku ketika ini, keganasan, pencabulan hak asasi manusia dan lain-lain.

"Forum ini akan menyediakan satu landasan unik bagi memanami persengketaan yang berlaku dan hubungan antara keamanan dan keselamatan, kemiskinan dan masalah alam sekitar," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran logo Forum Perdana Keamanan Sejagat, di YKP, di sini hari ini.

Antara yang akan menyampaikan ucapan ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dr. Mahathir akan memberikan ucapan penerbangan dan menyediakan tema serta hala tuju perbincangan.